KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan siasat harimau muncul di tepi jalan raya

Sinar 29 Okt 2021_27

JOHOR BAHRU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor menyiasat dakwaan seekor harimau belang yang dikatakan muncul atas jalan raya di Mersing hingga tular dalam media sosial.

Pengarah Perhilitan Johor, Aminuddin Jamin berkata, perkara tersebut masih dalam siasatan dan orang ramai diingatkan untuk berhenti membuat sebarang spekulasi.

"Siasatan awal kita mungkin kejadian bukan di Jemaluang, Mersing seperti yang didakwa.

"Maklumat tepat selepas siasatan selesai, namun orang awam perlu sentiasa berhati-hati," katanya pada Khamis.

Kejadian dipercayai dirakam seorang pengguna di tepi jalan yang didakwa di Jemaluang, Mersing baru-baru ini sebelum dimuat naik dalam Facebook dan tular.